VETTEL

TERUS CERIA DI LITAR SEPANG

Kemenangan kedua berturut-turut selepas Melbourne

JUARA dunia, Sebastian Vettel telah mencatatkan kemenangan kedua berturut-turut pada pembukaan musim ini dengan memenangi Grand Prix Formula Satu Malaysia di Litar Sepang.

Bermula daripada petak pertama, Vettel, yang memenangi perlumbaan pembukaan musim di Grand Prix Australia dua minggu sebelum, mendahului perlumbaan dari awal hingga akhir untuk memenangi perlumbaan 65 pusingan ini dengan masa satu jam 37 minit 39.832 saat.

Juara dunia termuda dari Jerman ini mengatasi saingan bekas juara dunia, Jenson Button, dari McLaren dengan 3.2 saat di hadapan, sementara pemandu Renault, Nick Heidfield, menduduki tempat ketiga.

Perlumbaan berjalan di bawah cuaca mendung meskipun ramai pemandu khuatir dengan keadaan tayar baru Pirelli sekiranya hujan tujun sebagaimana yang diramalkan kaji cuaca.

“Tahniah pasukan di atas satu lagi kejayaan yang hebat. Walaupun beraksi

di dalam cuaca agak panas, kita berjaya juga muncul juara.

“Ia satu penghormatan bersama dengan kamu semua pada perlumbaan minggu ini,” kata pemandu berusia 24 tahun tersebut di dalam perbualan radio pasukannya.

‘Saya amat gembira dengan kedudukan tempat ketiga ini,’ ujar pemandu Jerman itu.

‘Saya suka dengan apa yang saya lakukan dan tidak fikir saya boleh lebih gembira lagi pada peringkat ini.

‘Dua kemenangan daripada dua perlumbaan adalah sesuatu yang hebat, tiada yang lebih baik, tetapi perjalanan musim ini masih jauh,’ tambah Vettel

‘Kita dapat saksikan perlumbaan di Malaysia ini semakin sengit berbanding di Australia,’ kata Vettel.

‘Oleh itu, kami perlu bekerja keras untuk mengekalkan kemenangan.’

Ini merupakan kemenangannya yang ke-12 dan meskipun mengalami sedikit masalah teknikal, Vettel berjaya mengekalkan kedudukannya sehingga garis penamat.

Sementara itu juara dunia dua kali, Fernando Alonso, dan juara dunia tahun 2008, Lewis Hamilton, menerima hukuman yang dikenakan, iaitu tambahan 20 saat pada masa yang dicatatkan mereka.
Kedua-duanya dikenakan penalti masa, bukan penalti melalui lorong pit kerana melanggar peraturan perlumbaan semasa bersaing sengit untuk tempat ketiga.

Hamiltan yang memandu McLaren didapati telah melanggar peraturan yang tidak mem-



benarkan 'pemanduan yang boleh menghalang pemandu lain, seperti lebih sekali menukar arah untuk mempertahan kedudukan', sementara Alonso, yang cuba memintas Hamilton, dihukum kerana menyebabkan perlanggaran.
'Saya tahu saya akan dikenakan hukuman. Saya tidak terkejut,' ujar Hamilton.

'Saya telah menjangkakannya. Saya selalu cuba menggambarkan kes terburuk mungkin.Alonso juga tidak mahu memperbesar hukuman itu, terutama sekali memandangkan hukumannya tidak menjejas kedudukannya.

'Ia tidak mengubah kedudukan perlumbaan, jadi tiada drama besar di sini,' ujar pemandu Ferrari itu.Dengan hanya seminggu menjelang pusingan ketiga perlumbaan iaitu Grand Prix China, para pemandu tidak mempunyai masa secukupnya untuk berehat.Berdasarkan keputusan dua perlumbaan pertama, Red Bull dan McLaren dijangka meneruskan saingan sengit di Shanghai nanti.

Pada masa yang sama, Pasukan Red Bull juga bimbang mengenai satu-satunya kelemahan mereka yang disifatkan sebagai masalah teknikal.Kerosakan pada Kinetic Energy Regeneration System (KERS) pada kereta Sebastian Vettel dan Mark Webber di Litar Antarabangsa Sepang menandakan sesuatu yang tidak sempurna yang jarang-jarang melanda pasukan tersebut.

GRAND PRIX MALAYSIA

Pos	Pemandu	Pasukan	Masa
1.	Vettel	Red Bull-Renault	1h37:39.832
2.	Button	McLaren-Mercedes	+ 3.261
3.	Heidfeld	Renault	+ 25.075
4.	Webber	Red Bull-Renault	+ 26.384
5.	Massa	Ferrari	+ 36.958
6.	Alonso	Ferrari	+ 57.248 *
7.	Kobayashi	Sauber-Ferrari	+ 1:07.239
8.	Hamilton	McLaren-Mercedes	+ 1:09.957 *
9.	Schumacher	Mercedes	+ 1:24.896
10.	Di Resta	Force India-Mercedes	+ 1:31.563
11.	Sutil	Force India-Mercedes	+ 1:41.379
12.	Rosberg	Mercedes	+ 1 lap
13.	Buemi	Toro Rosso-Ferrari	+ 1 lap
14.	Alguersuari	Toro Rosso-Ferrari	+ 1 lap
15.	Kovalainen	Lotus-Renault	+ 1 lap
16.	Glock	Virgin-Cosworth	+ 2 lap
17.	Petrov	Renault	+ 4 lap

* Penalti 20 saat

Masa Terpantas: Webber, 1:40.571

TIDAK TAMAT:

Pemandu	Pasukan	Lap
Liuzzi	HRT-Cosworth	47
D'Ambrosio	Virgin-Cosworth	43
Trulli	Lotus-Renault	32
Perez	Sauber-Ferrari	24
Barrichello	Williams-Cosworth	23
Karthikeyan	HRT-Cosworth	15
Maldonado	Williams-Cosworth	9

Kedudukan Pungutan Mata selepas 2 Pusingan:

Pemandu:

1. Sebastian Vettel	50
2. Jenson Button	26
3. Lewis Hamilton	22
4. Mark Webber	22
5. Fernando Alonso	20
6. Felipe Massa	16
7. Nick Heidfeld	15
8. Vitaly Petrov	15
9. Kamui Kobayashi	6
10. Sebastien Buemi	4
11. Adrian Sutil	2
12. Michael Schumacher	2
13. Paul di Resta	2

Pengeluar:

1. Red Bull/Renault	72
2. McLaren/Mercedes	48
3. Ferrari	36
4. Renault	30
5. Toro Rosso/Ferrari	4
6. Sauber/Ferrari	4
7. Force India/Mercedes	4
8. Mercedes	2

TOTAL
RENAULT
GENII
Business Exchange

PETRONAS

AirAsia
NAZA
Tune
RENAULT

RedBull


LG
LG
vodafone

THANK YOU
vodafone




PETRONAS

RONALDSHAW
GLOBAL METALS